

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL  
BIN HAJI ABD. MUTTALIB [ MARAN ]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 [ KHAMIS ]**

**SOALAN NO. 36**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah kawalan yang telah dan akan dilakukan oleh Kementerian bagi mengatasi pengimportan haram jutaan tan sisa sampah dari luar negara ke Malaysia dan daripada negara mana.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, antara langkah-langkah kawalan yang telah dilakukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi mengatasi pengimportan haram jutaan tan sisa plastik dari luar negara ke Malaysia adalah:

- (i) mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat bagi pengimportan sisa plastik HS Code & kod tariff 39.15;
- (ii) mengadakan operasi bersepadu bagi mengetatkan kawalan di pintu masuk Pelabuhan Persekutuan bersama-sama dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM),

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Pihak Berkuasa Pelabuhan;

- (iii) meneliti isu-isu berkaitan perundangan, peraturan, penguatkuasaan dan kawalan dari semasa ke semasa melalui platform Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Skrap Plastik Import yang dipengerusikan bersama antara Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC); dan
- (iv) tindakan penghantaran pulang kontena-kontena yang tidak mematuhi perundangan negara seperti tidak memiliki lesen import (*approved permit – AP*) sisa plastik di bawah kod tarif 39.15 dan sisa plastik yang tidak bersih dan homogen serta melanggar perundangan agensi-agensi lain terutamanya JAS melalui peruntukan perundangan antarabangsa iaitu Konvensyen Basel.

2. Kementerian hanya membenarkan pengimportan sisa plastik yang bersih dan homogen kerana ianya telah melalui proses pengasingan mekanikal terlebih dahulu. Setelah diasing, sisa plastik import tersebut akan dimampat dan dibalut dengan kemas sebelum dihantar ke Malaysia melalui kontena supaya ianya dalam keadaan bersih dan homogen. Antara pembekal sisa plastik yang diluluskan oleh Kementerian berasal dari negara seperti Jepun, Amerika Syarikat, Eropah termasuklah dari negara Timur Tengah yang membekalkan sisa plastik berkualiti tinggi dan bersih seperti *Acrylonitrile butadiene styrene (ABS) lumps* dan *Polyethylene (PE) film*.

Sekian, terima kasih.